

Sabtu, 28 Disember 2019 | 6:51pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menyampaikan barang keperluan ke sekolah kepada 150 pelajar kurang kemampuan dari Bandar Baru Kulim di Tesco Extra Seberang Jaya, Seberang Jaya. - NSTP/Ramdzan Masiam

Jualan murah tanpa had bermula tahun depan

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

SEBERANG JAYA: Berkuat kuasa 2 Januari ini, peniaga dibenarkan mengadakan jualan murah tanpa had masa berbanding empat kali setahun pada masa ini.

Ia berikutan pewartaan pindaan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2019 yang turut menyaksikan jualan murah kurang daripada tiga hari tidak diperlukan notis manakala lebih tiga hari diwajibkan memaklumkan menerusi notis sehari sebelum jualan dimulakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata peraturan itu dipinda pada 29 November lalu, yang mana ia sudah melalui lima kali pindaan sejak diperkenalkan pada 1997.

"Matlamat pindaan yang dilaksanakan tahun ini adalah untuk menambah baik peruntukan peraturan bagi mengimbangi keperluan industri dalam sektor peruncitan dan aspek perlindungan hak pengguna," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Kembali Ke Sekolah bersama Tesco di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan bantuan barang keperluan sekolah kepada 150 murid daripada keluarga kurang berkemampuan di sekitar Parlimen Permatang Pauh.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Abdul Ghafar.

Saifuddin berkata, kementerian juga mewujudkan peruntukan kesalahan kepada peniaga yang membuat pernyataan palsu atau mengelirukan dalam iklan jualan murah.

"Kementerian tidak sesekali mengabaikan aspek perlindungan hak pengguna dan peruntukan itu akan menjamin perniagaan jualan murah diadakan dengan lebih beretika," katanya.

Pada masa ini, peniaga hanya dibenarkan mengadakan jualan murah empat kali setahun iaitu tiga kali ditetapkan oleh kementerian san sekali dipilih peniaga.

Tiga pilihan kementerian ialah jualan awal tahun, karnival jualan mega dan jualan akhir tahun manakala satu lagi dipilih peniaga.

